



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SELESAI 92 PERATUS KES TERTUNGGAK (*BACKLOG*) DI FASILITI HOSPITAL KKM

Pandemik COVID-19 telah memberi impak terhadap sistem dan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara dengan menyaksikan kes-kes bukan COVID-19, terutamanya kes-kes pembedahan elektif turut terkesan dan terpaksa ditunda semasa kemuncak pandemik.

Pada 30 September 2021, data KKM menunjukkan terdapat sebanyak 57,355 kes tertunggak di hospital-hospital KKM yang meliputi 53,785 kes berkaitan prosedur pembedahan (*surgical-based*) dan 3,570 kes berkaitan prosedur bukan pembedahan (*medical-based*).

Kes-kes *surgical-based* adalah meliputi pembedahan am, pembedahan neuro, pembedahan paediatik, pembedahan plastik dan rekonstruktif, pembedahan kardiotorasik, pembedahan vaskular, urologi, ginekologi, ortopedik, oftalmologi dan otorinolaringologi. Manakala kes-kes *medical-based* termasuklah *sleep study*, *lung function test*, *stem cell procedure*, *radiotherapy* and *CT simulation* dan *coronary angiography*.

Bagi menangani isu kes-kes tertunggak tersebut, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu:

- a) Penyumberluaran pesakit KKM ke hospital swasta;
- b) Pembukaan semula dewan-dewan bedah elektif di hospital-hospital KKM secara berperingkat bermula pada bulan Oktober 2021;

- c) Inisiatif pembedahan elektif hari Sabtu dari jam 8 pagi hingga 5 petang di hospital-hospital berpakar di seluruh negara bermula pada bulan Disember 2021; dan
- d) Melaksanakan pembedahan secara besar-besaran (*Mass Surgery Initiative*) di beberapa buah negeri seperti:
 - i. *Mass Urology Surgery Initiative* di Hospital Selayang pada bulan Februari 2022;
 - ii. *Mass Cataract Surgery Initiative* di Hospital Tawau pada bulan Mac 2022; dan
 - iii. *Tawau Surgical Carnival Initiative* di Hospital Tawau pada bulan Jun 2022.

Menerusi pendekatan inisiatif-inisiatif di atas, KKM ingin memaklumkan bahawa **sehingga 31 Julai 2022**, sebanyak **52,522 prosedur bagi kes tertunggak telah dapat dilaksanakan** iaitu meliputi 48,952 kes berkaitan prosedur pembedahan dan 3,570 kes berkaitan prosedur bukan pembedahan.

Ini bermakna, **92 peratus daripada jumlah kes tertunggak yang dicatatkan pada bulan September telah berjaya diselesaikan**. Justeru, jumlah kes yang masih tertunggak sehingga 31 Julai 2022 adalah sebanyak 4,833 kes dan hanya melibatkan prosedur pembedahan daripada disiplin pembedahan paediatric dan pembedahan kardiorasik.

KKM akan terus berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan kepada seluruh Keluarga Malaysia dan komited untuk menyelesaikan baki 4,833 kes yang masih tertunggak dalam tempoh masa terdekat ini.

KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

22 OGOS 2022